

12/03/1998

Indonesia diminta halang rakyat

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia akan meminta Indonesia menghalang kemasukan rakyatnya secara haram ke negara ini sebelum mereka sempat merentasi kawasan sempadan kedua-dua negara.

Langkah itu dapat mengelak masalah penangkapan dan penghantaran semula pendatang tanpa izin republik itu.

Permintaan itu akan dikemukakan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kepada Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas.

Abdullah berkata, Malaysia menganggap kemasukan pendatang tanpa izin dari Indonesia sejak akhir-akhir ini begitu serius dan 'sangat mendesak'.

Menurutnya, walaupun soal kawalan sudah dibincang dan dipersetujui dengan Kerajaan Indonesia sebelum ini, masalah itu memerlukan perhatian yang lebih besar di peringkat menteri.

"Kita boleh berbincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (JCM) Malaysia-Indonesia, tetapi mungkin perkara ini sudah menjadi serius dan begitu mendesak, jadi tindakan lebih awal daripada JCM terpaksa diambil.

"Saya akan meminta kerjasama Indonesia dan pihak berkuasa terbabit supaya mengambil tindakan tertentu bagi menghalang rakyat mereka datang ke negara ini tanpa izin sejak di negara itu lagi," katanya kepada pemberita di Wisma Putra hari ini.

Sebelum itu, Abdullah mengadakan perbincangan lebih sejam dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Aseh Che Mat dan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Ghazali Yacob, di Wisma Putra hari ini.

Dalam pertemuan itu, Rahim memohon kerjasama Wisma Putra supaya meminta Kerajaan Indonesia menghalang pendatang tanpa izin dari negara itu sejak di sempadan lagi.

Beliau juga meminta Kerajaan Indonesia menggunakan kapal tentera laut republik itu untuk mengambil semula rakyatnya jika jumlah pendatang tanpa izin terlalu ramai.

Wisma Putra akan menunggu arahan lanjut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri yang mendengar taklimat Rahim mengenai perkara itu dalam mesyuarat selepas Kabinet petang ini.

Beliau berkata, masalah itu juga akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebelum itu, Rahim memberitahu pemberita, saluran diplomatik perlu dalam menangani masalah pendatang tanpa izin supaya setiap langkah yang diambil tidak menjejaskan hubungan antara negara.

(END)